

# Terima dua kontrak MRT

**TSR** Capital Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, TSR Bina Sdn Bhd, menerima dua kontrak daripada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, pemilik konsesi bagi projek Transit Rapid Massa (MRT).

Ia berkata kontrak berkenaan ialah untuk pakej kerja bagi laluan MRT Lembah Klang antara Sungai Buloh dan Kajang bernilai RM330 juta.

Kontrak pertama ialah untuk membina dan menyiapkan Depoh Penyelenggaraan Kajang, kerja-kerja luar dan berkaitan yang bernilai RM213 juta.

Keduanya ialah untuk pembinaan dan penyiapan tempat letak kereta pelbagai tingkat, kerja-kerja luaran dan berkaitan di Stesen MRT Sungai Buloh bernilai RM117 juta.

Projek berkenaan dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan tahun selanjutnya, kata syarikat itu dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam.